

Kerajaan berhak kaji status kontrak era saya — Dr. M

SHAH ALAM 4 Mac — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sekarang berhak untuk meneliti semula status kontrak-kontrak tertentu yang dipersetujui sewaktu era pemerintahannya.

“Menjadi hak kepada kerajaan untuk melakukan sesuka hatinya.

“Jika ia rasa ia perlu menamatkan (sesuatu) kontrak, itu boleh dilakukan. Jika ia rasa untuk menilai semula atau mengeluarkan tender semula terhadap kontrak-kontrak, itu adalah menjadi haknya, saya tidak mempersoalkannya,” kata beliau kepada pemberita selepas melawat kompleks kilang wang The Royal Mint of Malaysia di sini hari ini.

Ditanya mengenai tindakan Khazanah Holdings melupuskan

pegangan ekuitinya dalam syarikat-syarikat tertentu, bekas Perdana Menteri itu berkata, mereka semestinya ada alasan yang kukuh untuk melakukannya.

Mengenai lawatan ke kilang berkenaan, katanya, terdapat kemajuan berbanding lawatannya sebelum ini dengan penambahan mesin, kapasiti pengeluaran serta peralatan canggih.

“Banyak kemajuan dicapai dan saya datang ke kilang ini sebab berminat untuk melihat kemajuan syarikat seperti Mariwasa (Kraftangan Sdn. Bhd.),” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, perniagaan mengeluarkan wang siling itu mempunyai potensi untuk berkembang maju.